



Tumpu bangunkan negara

Pastikan ekonomi stabil, tolak rasuah

Oleh NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan kerajaan perpaduan yang dibentuk dengan penyertaan beberapa parti akan memastikan kestabilan negara.

Dalam sidang media pertama pada 24 November, Anwar berkata ada tiga komponen terbesar yang membentuk kerajaan perpaduan iaitu Pakatan Harapan (HARAPAN), Barisan Nasional (BN) dan Gabungan Parti Sarawak (GPS), lapor BERNAMA.

Beliau berkata HARAPAN menjadi blok terbesar dengan jumlah ahli parlimen 82 orang diikuti BN (30) dan GPS seperti yang disahkan Pengerusinya Tan Sri Abang Johari

Tun Openg (23 orang).

Menegaskan isu kestabilan kerajaan tidak berbangkit, ahli parlimen Tambun itu berkata kerajaan perpaduan turut disertai Parti Warisan Sabah, Parti Ikatan Demokratik Malaysia dan Parti Bangsa Malaysia selain tidak menolak kemungkinan penyertaan parti lain.

"Sa'ya ingin tegaskan dalam acara pertemuan pertama dengan rakyat selaku perdana menteri bagi seluruh rakyat Malaysia, mewakili semua kaum dan menjamin keharmonian semua rakyat, saya tetap bersedia menerima penyertaan semua yang lain untuk menjadikan negara ini stabil," katanya.

Anwar juga mengalu-alukan penyertaan mana-mana parti dengan syarat mereka bersetuju dengan asas pembentukan kerajaan iaitu tadbir

urus baik, tiada tolak ansur terhadap rasuah dan Malaysia untuk semua rakyat.

"Saya tidak akan bertolak ansur sama sekali dengan rasuah... ini disepakati. Ini juga syarat kita dalam membentuk Kerajaan Perpaduan Nasional," katanya.

Pengerusi HARAPAN juga tidak akan bertolak ansur dalam soal bahasa Melayu, hak istimewa orang Melayu, agama Islam dan kedaulatan Raja-Raja Melayu selaras semangat Perlembagaan Persekutuan selain menjamin hak kewarganegaraan, mengiktiraf hak semua kaum dan agama di negara ini.